KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20.09.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	NRECC			

Dasar Tenaga Negara 2022-2040 pastikan sektor terus membangun

Tingkat daya tahan ekonomi makro, jaminan bekalan antara objektif dasar

Oleh Rafidah Mat Rasid
bhfarizal@bh.com.my

Putrajaya: Dasar Tenaga Negara (DTN) 2022-2040 yang diluncurkan semalam, menggariskan kira perkembangan serta cabaran dalaman dan luaran demi memastikan sektor tenaga Malaysia dapat terus membangun dengan mampan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata visi DTN, iaitu 'Kemampanan Tenaga Untuk Mencapai Kemakmuran Bersama' disokong tiga objektif.

Tiga objektif itu adalah meningkatkan daya tahan ekonomi makro dan jaminan bekalan tenaga; mencapai keseimbangan sosial menerusi mampu bayar tenaga dan memastikan kelestarian alam sekitar.

Katanya, selain terpaksa menanggung subsidi tenaga dijangka RM37.3 bilion bagi petrol, diesel dan gas cecair asli (LPG), pandemik dan ketidaktentuan geopolitik dunia serta isu perubahan iklim (iklim sering turut memberi kesan kepada harga bahan api).

"Ia juga memerlukan penyelesaian kepada tenaga yang lebih mampan. Di sebalik kesulitan ini, kerajaan terus berusaha prihatin dan memberi jaminan bahawa Kerajaan Malaysia akan terus menyediakan akses kepada bekalan tenaga yang terjamin pada harga mampu bayar.

"Pada masa sama, satu pendekatan holistik amat diperlukan bagi menjamin bekalan tenaga, kemampanan alam sekitar dan kemakmuran Keluarga Malaysia, selain menggalak daya saing dan inovasi dalam industri serta merancakkan pertumbuhan ekonomi," katanya.

Dercaap melancarkan DTN 2022-2040, Ismail Sabri berkata, DTN juga akan memperkemas dan menghasilkan pelbagai dasar berkaitan tenaga sedia ada bagi memastikan sektor itu terus kalis cabaran pada masa hadapan.

Katanya, tiga objektif yang digariskan bakal menginformasi transformasi tenaga yang sejajar dengan matlamat utama Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) dan juga Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040 secara holistik dijangka dapat meningkatkan purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM11 bilion setahun dan menyediakan lebih 207,000 peluang pekerjaan baharu.

Katanya, aspirasi khusus di bawah DTN 2022-2040 itu dapat membantu mencapai aspirasi Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG) Sifar Bersih 2050 bagi menghadapi trend dalam perdagangan tenaga dan memangani cabaran perubahan iklim.

Sesuaikan sasaran DTN

Beliau berkata, aspirasi itu sangat mendukung sasaran tersebut untuk dicapai pada 2040, antaranya perkenalan mod pengangkutan awam bandar sebanyak 50 peratus dan penggunaan kenderaan elektrik (EV) sebanyak 38 peratus.

Selain itu, standard bahan api alternatif kendaraan berat dengan campuran bahan api 30% penggunaan gas asli cecair (LNG) sebagai alternatif untuk pengangkutan marin sebanyak 25 peratus dan penjimatan kecekapan tenaga oleh industri dan komersial sebanyak 11 peratus serta kelestarian sebanyak 10 peratus.

"Kerajaan yakin DTN berupaya memastikan sektor tenaga negara sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan. Malah, sektor tenaga negara kini berjaya membuka lembaran baharu selari pada peringkat dunia yang mentransformasikan sektor-sektor baharu.

"Sektor baharu itu seperti mobiliti rendah karbon melalui penggunaan EV serta penjanaan dan penyimpanan sumber tenaga baharu seperti hidrogen dan tenaga boleh diperbaharui ini," katanya.

Beliau mencapai visi dan objektif DTN, beliau berkata, 12 strategi dan 31 pelan tindakan dikenal pasti berlandaskan empat teras strategik dan lima pemboleh daya untuk dilaksanakan bagi jangka pendek, sederhana dan panjang, selari pelaksanaan Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Kerajaan, katanya, bersetuju menubuhkan Majlis Tenaga Negara (MTN) bagi menerajui hala tuju peringkat tertinggi dalam membuat keputusan strategik berkaitan sektor tenaga berasaskan strategi dan pelan tindakan DTN merentasi pelbagai sektor dan pihak berkepentingan.

"Saya akan mengerusikan Majlis Tenaga Negara ini bagi memastikan inisiatif DTN dilaksanakan secara berkesan oleh kementerian dan agensi bertanggungjawab berdasarkan akauntabiliti dan peranan masing-masing," katanya.

Menurut Perdana Menteri, DTN adalah 'dokumen hidup' yang dikemas kini setiap tiga tahun dengan semakan, dan pertimbangan dilakukan MTN, selari dengan kemajuan teknologi, cabaran pencapaian sosioekonomi negara dan kesetimbangan trilemma tenaga semasa.

"Kerajaan kini menumpukan kepada pembangunan EV dengan menawarkan pelbagai insentif cukai.

"Kerajaan juga memberikan Pinnakan Petroga EV untuk memperincikan strategi sedia ada berkaitan pembangunan EV dan memperkenalkan industri EV tempatan," katanya.

Selain berkata, empat bidang menjadi fokus utama, iaitu meningkatkan penggunaan EV, membangunkan infrastruktur pengecasan, membangunkan bakat dan menarik pelaburan, selain rangka kerja strategik dikenal pasti bagi menyokong pertumbuhan industri EV tempatan.

Bagi memacu pembangunan hidrogen, katanya, kerajaan sedang memuktamadkan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen, meliputi penggolakan pengeluaran pemain industri, R&D termasuk berorientasikan pasaran serta penggunaan produk dan teknologi berkaitan hidrogen.

"Kerajaan juga mengagih semula kuota Tenaga Boleh Baharu (TBB) sebanyak 1,200 megawatt bagi mencapai penjanaan hidroelektrik bijau. Ketika ini, PETRONAS juga sedang bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam bidang hidrogen bagi penjanaan sumber ekonomi baharu," katanya.



Ismail Sabri melihat model stesen hub elektrik Tenaga Nasional Berhad ketika melawat gerai pameran selepas melancarkan Dasar Tenaga Negara 2022-2040 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)